



سوروهنجاہی فرساعیغن برونی دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

CCBD held a briefing session on the Competition Order with MPABD

Date: 8 November 2022

1. Bid rigging is one of the most harmful types of anti-competitive conduct. Tenderers must prepare and submit their bids independently and refrain from participating in any discussion or coordination on the bids with their competitors. This collusive practice is strictly prohibited under the Competition Order, 2015. Any form of collusive behavior can have an adverse effect on a country's economy and government expenditure. Hence, it is important for the procurement agencies to take preventative measures to reduce the risks of bid rigging. This was highlighted by the Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) through its Executive Secretariat during a dialogue session with officials from the Maritime and Port Authority Brunei Darussalam (MPABD) in particular, its Internal and Quotation Committee, Asset Management Division and Finance division.
2. The session was attended by the Chief Executive of the Maritime and Port Authority Brunei Darussalam (MPABD), Yang Mulia Captain Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin Liew. Also in attendance were the Chairperson of the CCBD, Yang Mulia Nik Hafimi Binti Abdul Haadii and the Director of the CCBD, Yang Mulia Hajah Rena Azlina Binti Dato Paduka Haji Abdul Aziz.

3. The Executive Secretariat of CCBD began the session by providing an overview of CCBD's institutional framework as an independent quasi-judicial body mandated to enforce the Competition Order, 2015. The session also deliberated on the Competition Order 2015, particularly the three key prohibitions under the Order namely Anti-Competitive Agreements, Abuse of Dominant Position; and Anti-Competitive Mergers.
4. The session highlighted the harmful effects of bid rigging which include, increased prices and compromised quality of goods. Bid rigging refers to agreement (written or oral) between bidders or potential bidders to manipulate the bidding process by collectively pre-determining the bid winner. Consumers, including the government, may be heavily affected by it as public procurement accounts for significant amount of government expenditure.
5. The session underscored the need for procurement officials to play a proactive role in "Deter, Detect and Report" bid rigging. Attendees were reminded to take measures to prevent bid rigging from happening. This can be initiated by adopting practical steps in designing pro-competitive tender documents. Procurement officials are advised to be vigilant on signs of bid rigging as a way to detect bid rigging. Any suspicions on bid rigging conduct may be reported to the CCBD by providing relevant information and documents such as tender bids, correspondences and well as record of suspicious behaviours and statements.
6. The session concluded with a Q&A segment and a short interactive quiz to further enhance the understanding and awareness of participants on the Competition Order, 2015. The session was conducted at Al-Fath Hall, MPABD Headquarters, Muara, last Thursday.
7. The CCBD welcomes any request for dialogue or briefing to fight bid rigging in public procurement which can be directed to the Executive Secretariat to the

CCBD through email at exec.secretariat@ccbd.gov.bn For further information, visit
CCBD's website at www.ccbd.gov.bn or contact 2383100.

*Executive Secretariat of Competition Commission Brunei Darussalam
Ministry of Finance and Economy*



سوروهنجاي قرسايعن برونبي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN MEDIA SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM

CCBD mengadakan sesi taklimat mengenai Perintah Persaingan bersama MPABD

Date: 8 November 2022

1. Tipuan bidaan merupakan salah satu jenis kegiatan anti-persaingan yang sangat memudaratkan. Pembida hendaklah menyediakan dan menghantar bidaan secara bebas dan mengelak daripada mengambil bahagian dalam apa jua perbincangan dan penyelarasan bidaan dengan pesaing. Melibatkan diri dalam pakatan sulit (*collusion*) ini adalah dilarang di bawah Perintah Persaingan, 2015. Sebarang jenis pakatan sulit boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada ekonomi sesebuah negara dan perbelanjaan kerajaan. Oleh itu, adalah penting bagi agensi perolehan untuk mengambil langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko tipuan bidaan. Perkara ini diketengahkan oleh Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) melalui Sekretariat Eksekutif semasa sesi taklimat bersama pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Maritim dan Perlabuhan Brunei Darussalam (MPABD), khususnya, Jawatankuasa Dalaman dan Sebutharga, Bahagian Pengurusan Aset dan Bahagian Kewangan.
2. Sesi taklimat berkenaan dihadiri oleh Ketua Eksekutif MPABD, Yang Mulia Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin Liew. Turut hadir adalah Pengerusi CCBD, Yang Mulia Nik Hafimi Binti Abdul Haadii dan Pengarah CCBD, Yang Mulia Hajah Rena Azlina Binti Dato Paduka Haji Abdul Aziz.

3. Sekretariat Eksekutif CCBD memulakan sesi berkenaan dengan memberikan pengenalan mengenai rangkakerja institusi CCBD sebagai badan bebas separa kehakiman yang dimandatkan untuk menguatkuasakan Perintah Persaingan, 2015. Sesi juga membincangkan mengenai Perintah Persaingan 2015, khususnya tiga larangan utama di bawah Perintah tersebut iaitu Perjanjian Anti-Persaingan; Penyalahgunaan Kedudukan Dominan; dan Penggabungan Anti-Persaingan.
4. Sesi menekankan kesan-kesan mudarat kegiatan tipuan bidaan, termasuk kenaikan harga barangan dan kualiti yang terjejas. Tipuan bidaan merujuk kepada perjanjian (bertulis atau lisan) di antara pembida atau bakal pembida yang memanipulasi proses bidaan dengan menetapkan pemenang bidaan secara kolektif. Pengguna, termasuk pihak kerajaan, boleh terkesan dengan adanya tipuan bidaan mengambilkira perolehan awam mengguna pakai sejumlah besar perbelanjaan kerajaan.
5. Sesi tersebut menggariskan kepentingan bagi agensi perolehan untuk memainkan peranan yang proaktif dalam “Mencegah, Mengesan dan Melapor” tipuan bidaan. Para peserta diingatkan untuk mengambil beberapa langkah bagi mencegah tipuan bidaan. Ini boleh dimulakan dengan mengadaptasikan langkah-langkah pencegahan yang praktikal dalam mereka bentuk dokumen tender yang bersifat pro-kompetitif. Pegawai perolehan juga dinasihatkan untuk berwaspada akan tanda-tanda tipuan bidaan bagi mengesan kegiatan tipuan bidaan. Sebarang kecurigaan mengenai kegiatan tipuan bidaan bolehlah dilaporkan kepada pihak CCBD dengan mengemukakan maklumat dan dokumen berkaitan, seperti tawaran tender, komunikasi dan juga rekod mengenai tingkah laku dan kenyataan yang mencurigakan.
6. Sesi diakhiri dengan segmen soal jawab dan kuiz interaktif pendek untuk mempertingkatkan lagi kefahaman dan kesedaran peserta mengenai Perintah Persaingan, 2015. Sesi diadakan di Dewan Al-Fath, Ibu Pejabat MPABD, Muara, Khamis lalu.

7. Pihak CCBD mengalu-alukan sebarang permintaan untuk sesi dialog atau taklimat bagi mencegah tipuan bidaan dalam perolehan awam, yang mana boleh dibuat melalui emel exec.secretariat@ccbd.gov.bn. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh melayari laman sesawang CCBD di www.ccbd.gov.bn atau hubungi talian 2383100.

*Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*